

11 APR 1999

HENTIKAN KHABAR ANGIN, KATA ABDULLAH

KEPALA BATAS, 11 April (Bernama) -- Dauk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengulangi permintaannya supaya dihentikan segera perbuatan menyebarkan khabar angin berniat jahat yang boleh menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata ada di antara khabar-khabar angin itu, yang disebarakan melalui pelbagai cara termasuk internet, boleh menimbulkan rasa marah dan tidak senang hati.

"Bermacam-macam khabar angin yang kita dengar, turut menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta cerita-cerita yang tidak baik lain.

"Saya menganggap perbuatan ini perbuatan nakal dan tidak bertanggungjawab," katanya selepas melancarkan program sehari bersama masyarakat dan kempen Premier Anti dadah Kebangsaan di Sekolah Menengah Datuk Haji Ahmad Badawi di sini.

Mengenai masalah penagihan dadah di negara ini, Timbalan Perdana Menteri berkata masalah itu masih serius.

Menurut Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan di Kementerian Dalam Negeri, Datuk Mohd Bakri Haji Omar, terdapat 21,073 orang penagih dadah dengan 1,786 penagih baru di negara ini tahun lepas.

Rata-rata mereka membelanjakan RM347 juta setahun atau kira-kira RM45 seorang sehari, katanya.

-- BERNAMA

AHM RON